

PELESTARIAN BAHASA BAKU DI SEKOLAH

GURU Bahasa Melayu merupakan barisan hadapan untuk melestarikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang mantap dan baku. Mereka diberikan peranan khusus untuk menyampaikan ilmu dan maklumat dengan menggunakan bahasa Melayu baku. Sekiranya pelajar tidak menggunakan bahasa Melayu baku dalam jawapan peperiksaan sudah tentu akan menjejaskan markah yang diperoleh dan menjejaskan gred penilaian mereka.

CABARAN guru dan pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu baku sepenuhnya untuk mengungkapkan pertuturan dan penulisan dipengaruhi oleh bahasa basahan yang lebih banyak digunakan sama ada di luar waktu ataupun dalam waktu pembelajaran. Hal ini menyebabkan banyak kecelaruan bahasa Melayu dalam pertuturan dan penulisan mereka yang menjejaskan mutu bahasa.

Bahasa baku ialah bahasa yang teratur dan mantap dalam pelbagai aspek tatabahasa dan diterima oleh


masyarakat sebagai norma penggunaan yang betul atau standard. Bahasa ini digunakan dalam situasi rasmi dan diperoleh masyarakat melalui institusi pendidikan yang diiktiraf sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan perhubungan.

Bahasa basahan ialah bahasa biasa yang digunakan dalam pelbagai bentuk dialek bahasa ibunda atau bahasa pertama kebanyakan penutur bahasa Melayu. Sebutan dan korpus atau kosa kata bahasa basahan kebanyakannya

tidak selaras dengan bahasa baku, namun masih difahami oleh penutur dan pendengar. Dengan menggunakan bahasa basahan dalam pertuturan, mereka berasa hubungan yang lebih akrab dalam kelompok mereka.

Oleh hal yang demikian, timbul tanggapan bahawa bahasa baku untuk golongan pelajar dan terpelajar sementara yang lain bertutur mengikut kelompok masing-masing asalkan maksud yang hendak disampaikan dapat difahami oleh pendengar sasaran. Lebih-lebih lagi, dewasa ini banyak siaran

Guru memainkan peranan yang penting untuk melestarikan bahasa Melayu yang mantap dan baku.



PENGAJARAN BAHASA

tanpa diedit yang menggunakan bahasa basahan serta rancu dapat didengar dan dibaca oleh pelajar dengan mudah.

Bahasa Melayu dikatakan bahasa yang mudah dituturkan dan difahami oleh masyarakat. Hal ini dibuktikan oleh masyarakat asing di negara ini yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu hanya beberapa hari atau beberapa minggu di negara ini. Tambahan pula sikap masyarakat Melayu yang luwes menerima pertuturan mereka walaupun tidak selaras dengan tatabahasa yang betul, malah turut mengikut lenggok bahasa orang asing tersebut.

Masyarakat juga lebih berkompromi apabila ada dalam majlis rasmi itu dihadiri oleh beberapa orang peserta asing. Mereka menggunakan bahasa asing atau bahasa basahan serta bahasa campur aduk yang jelas melanggar tatabahasa baku untuk menghormati tetamu mereka. Situasi ini mengelirukan pelajar yang sedang mempelajari Bahasa Melayu secara baku untuk diamalkan dalam pertuturan dan penulisan.

Hal tersebut turut menjadi faktor meluasnya pencemaran bahasa, kancuan bahasa, kecelaruan bahasa, bahasa rojak serta kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar dan masyarakat yang perlu diberikan perhatian oleh pihak sekolah, khususnya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Masih ada ruang yang perlu diisi oleh sekolah untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu baku bagi mengurangkan penggunaan bahasa basahan dalam situasi rasmi seperti peperiksaan awam.

Guru juga bertanggungjawab menerapkan penggunaan bahasa yang betul kepada pelajar.

Bahasa Melayu baku bukan bahasa baharu. Bahasa ini ialah bahasa yang diangkat menjadi bahasa kebangsaan apabila negara mencapai kemerdekaan. Bahasa ini menjadi bahasa perhubungan utama rakyat negara ini serta bahasa rasmi negara, menjadi bahasa pengantar dalam pendidikan atau bahasa ilmu, bahasa perpaduan rakyat dan negara, yang digunakan secara menyeluruh oleh rakyat dan masyarakat di negara ini. Bahasa ini sentiasa berkembang dan menerima maklumat dan korpus baharu daripada masyarakat sekitar dan antarabangsa selaras dengan perhubungan dan perkongsian ilmu sejagat.

Masih wujud kecelaruan dalam bahasa Melayu yang mahu dimantapkan oleh perancang dan pendukung bahasa untuk diterapkan oleh guru di sekolah. Usaha ini menjadi cabaran kerana pengaruh bahasa basahan seperti dialek dan ditambah pula kemasukan kata bahasa asing yang cepat dan pantas diterima oleh masyarakat. Pihak berkuasa perancangan bahasa mengeluarkan istilah atau kata padanan atau kata pinjaman yang mantap terhadap sesuatu konsep baharu itu, perkataan daripada bahasa sumber telah digunakan secara meluas oleh masyarakat.

Sebagai contoh perkataan "viral" digunakan secara meluas sebelum dikeluarkan padanan kata "tular" dalam pertuturan dan penulisan. Masyarakat masih celaru menggunakan konsep itu dengan istilah yang baku. Justeru, masih berterusan kecelaruan bahasa dari segi ejaan, sebutan, istilah serta frasa dan klausa dalam masyarakat.

Kemasukan perkataan basahan "viral" menjadi kecelaruan dari segi ejaan dan sebutan. Bahasa Melayu secara kebiasaan menggunakan sebutan dan ejaan fonemik. Ejaan "viral" seharusnya bukan disebut "vairal" sebagai sebutan baku. Kecelaruan bahasa akan terus berlaku sekiranya perkataan itu tidak dibakukan dari segi ejaan dan sebutan. Kata padanan "viral" kepada "tular" dapat diterima, namun tidak secara menyeluruh oleh masyarakat yang sudah biasa dengan sebutan "viral". Sekolah memainkan peranan penting untuk melestarikan istilah ini selain badan penyiaran, media massa dan pihak perancangan bahasa.

Demikian juga, apabila berlaku pandemik COVID-19, menimbulkan kecelaruan bahasa apabila ejaan itu masuk ke dalam bahasa Melayu baku, ada yang menyebut "COVID-19" dalam bahasa Inggeris "COVID nineteen" yang sepatutnya "COVID sembilan belas", malah ejaan "COVID", ada pihak yang cuba mengeja dengan sebutan "KOVID". Justeru, sekolah memainkan peranan penting untuk menyebarkan sebutan dan ejaan serta istilah baharu kepada pelajar sebelum kecelaruan itu membaku dalam bahasa Melayu.

Kesalahan ejaan sedemikian berlaku dalam masyarakat walaupun sudah berkali-kali ditegur seperti kesalahan ejaan "mee" untuk "mi", kesalahan ejaan "satay" untuk "sate" dan sebagainya. Mengapakah pembakuan ejaan seumpama ini sukar diamalkan walaupun telah lama disenaraikan dalam panduan ejaan rasmi dan kamus? Hal ini merupakan kesan pengaruh penggunaan bahasa basahan dalam masyarakat harian dan kurang ditegaskan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Sekolah telah melalui tiga pendekatan strategi dan kaedah untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar. Setiap pendekatan memberikan kesan tertentu dalam pengajaran bahasa. Kaedah tradisional, guru menyampaikan



secara langsung sesuatu ilmu dan maklumat kepada pelajar melalui pengajaran atau ceramah. Langkah ini selaras dengan keadaan pada waktu itu, pelajar tidak memiliki sumber rujukan seperti buku, perpustakaan serta kemudahan lain untuk mendapatkan maklumat. Guru menjadi rujukan utama sama ada di sekolah ataupun dalam masyarakat. Kosa kata baharu dan rumus tatabahasa yang diperbetul diterima oleh masyarakat secara tuntas melalui pengajaran guru. Guru umpama "kamus hidup" kepada pelajar dan masyarakat. Sebagai contoh, istilah "rumah sakit" ditukar kepada "hospital" dapat diterima ejaan dan sebutan secara baku tanpa dipengaruhi oleh bahasa ambilan daripada perkataan asal kerana itulah yang disampaikan oleh guru.

Daripada kaedah tradisional kepada kaedah konvensional, guru menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, iaitu guru memberikan bimbingan kepada pelajar untuk melakukan aktiviti bagi mendapatkan maklumat dan kemahiran di bilik darjah dan di luar bilik darjah. Pelajar secara individu mencari maklumat dengan merujuk buku, merujuk perpustakaan serta merujuk pelbagai sumber sebagai satu cara pembelajaran. Kosa kata dan istilah baharu masih dirujuk kepada guru sebagai pengesahan untuk pelestarian dan digunakan dalam jawapan peperiksaan. Guru dan pelajar merujuk bahan yang sah seperti bahan penerbitan berwibawa dan kamus pegangan. Jelasnya, pelajar merujuk istilah bahasa yang baku dalam pembelajaran dan perlu pengesahan guru untuk digunakan. Kejayaan hasil kerja pelajar masih dinilai secara individu. Tegasnya, setiap pelajar mestilah membina cara belajar sendiri atas bimbingan guru untuk diamalkan dalam kehidupan nanti.

Kaedah kontemporari yang ditegaskan dalam pembelajaran kini, menggunakan pendekatan guru sebagai pemudah cara dalam aktiviti percambahan ilmu. Pelajar belajar secara kolektif sesama rakan dan bahan yang pelbagai termasuk bahan daripada peranti yang terbuka dan sesetengahnya tidak diedit oleh pihak berwibawa dari segi ketepatan kosa kata dan istilah serta tatabahasa. Pelajar berinteraksi sesama sendiri melalui perbincangan, main peranan, dan

Guru dan pelajar merujuk bahan yang sah seperti bahan penerbitan berwibawa dan kamus pegangan.

Jelasnya, pelajar merujuk istilah bahasa yang baku dalam pembelajaran dan perlu pengesahan guru untuk digunakan.

sebagainya. Hasil kerja pelajar dinilai secara pasukan. Kaedah ini lebih berkesan untuk melihat lebih ramai dari segi kemenjadian pelajar. Guru sebagai pemudah cara mengurangkan campur tangan dalam aktiviti pembelajaran. Cabaran lebih besar kepada guru untuk mengawal kebiasaan pelajar menggunakan bahasa basahan dalam aktiviti mereka.

Justeru, kaedah kontemporari ini seharusnya lebih banyak aktiviti untuk pembakuan bahasa selaras dengan aktiviti perluasan dan perkembangan ilmu, serta nilai dan kemahiran berfikir. Antaranya, aktiviti mengesan kesalahan dan membetulkan kesalahan bahasa di sekolah, kesalahan bahasa dalam masyarakat, iklan dan media massa. Aktiviti ini dilaksanakan secara berkumpulan dengan panduan dan bimbingan guru.

Sebagai contoh, sekumpulan pelajar meneliti penggunaan bahasa basahan dalam aplikasi telefon pintar, kemudian mereka bersama-sama membetulkan kesalahan itu. Mereka perlu menyusun dengan kemas dalam bentuk grafik atau jadual. Sementara kumpulan lain pula menjalankan aktiviti mengesan kosa kata baharu melalui isu semasa dalam masyarakat. Mereka boleh merujuk

surat khabar, majalah, ceramah tokoh tertentu serta media massa. Hasil kerja mereka perlu disebarikan seperti di papan pameran, monitor dinding di tempat pelajar berkumpul serta Internet untuk maklumat pelajar dan orang ramai. Guru boleh membina akaun khusus di media sosial untuk digunakan oleh pelajar bagi menyebarkan hasil kerja mereka dan memberikan peluang pelajar lain dan orang ramai memberi respons dan komen dengan bahasa yang baku.

Mereka juga boleh mengesan kesalahan tatabahasa yang sering digunakan oleh pelajar atau guru di sekolah, dan media massa termasuk radio dan televisyen. Sebagai contoh, penggunaan frasa "berita ini disampaikan oleh saya" merupakan kesalahan rumus tatabahasa dalam ayat bahasa Melayu baku yang sering berkumandang di radio. Demikian juga bentuk ayat "Saya tidak *sure* kejadian itu *true or not*" yang sering kita dengar di radio atau televisyen ketika seseorang itu menjawab soalan wawancara. Pelajar boleh merakam dan membetulkan kesalahan itu sebagai satu projek di kelas dan diperdengarkan atau dipertontonkan kepada pelajar lain dan orang ramai melalui media sosial.

Pelajar juga boleh membuat aktiviti membina ayat yang salah dan ayat yang betul dalam kumpulan. Pelajar yang cekap berbahasa dengan betul dan baku dapat melaksanakan aktiviti ini. Maksudnya, mereka benar-benar menguasai rumus tatabahasa. Mereka boleh merujuk buku *Tatabahasa Dewan* dan *Kamus Dewan* atau aplikasi dalam peranti untuk setiap aktiviti ini. Pelajar menyebarkan usaha mereka untuk tatapan rakan-rakan dan orang ramai.

Sesungguhnya, guru memainkan peranan penting untuk melestarikan bahasa Melayu baku yang persis tanpa campur aduk bahasa basahan yang menyebabkan kerancuan bahasa dalam urusan rasmi dan awam. Guru perlu menggunakan pendekatan pengajaran yang selaras dengan perkembangan semasa agar dapat dihayati oleh pelajar. Mereka harus memahami konsep pembentukan kosa kata baharu dari segi sebutan, ejaan, dan susunan tatabahasa yang mantap agar kecelaruan bahasa tidak menjadi pakaian bahasa generasi muda yang terpelajar. **PB**